
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2008/2009

November 2008

YFP 324 – Kajian Sinema

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Pilih tiga (3) daripada konsep-konsep di bawah dan terangkan dengan menggunakan contoh yang sesuai.
 - a. *Mise-en-scene*
 - b. *Continuity editing*
 - c. Masa dan ruang
 - d. Pengeluaran/penggunaan
 - e. *Auteur*
 - f. Industri Budaya
2. Salah satu ciri-ciri melodrama ialah kebolehannya untuk membincang dan memberikan penyelesaian kepada isu-isu moral dan konflik kehidupan. Bincangkan kenyataan ini secara kritis dan kaitkan hujah anda dengan idea yang filem bergenre adalah sebahagian daripada ritual sosial.
3. Industri filem adalah arena yang mana bahan-bahan budaya dijadikan sebagai komoditi. Dengan menggunakan industri filem sebagai contoh, bincangkan dengan terperinci perdebatan mengenai proses industrialisasi budaya.
4. 'Bintang' bukan hanya seorang pelakon, ia juga adalah satu konsep yang dibina berasaskan kepada kehendak industri filem untuk memaksimakan keuntungan. Bincangkan pernyataan ini dengan kritis.
5. Apakah ciri-ciri *auteur* dan pada fikiran anda adakah ia satu konsep yang masih sah untuk digunakan dalam menjalankan analisis sinematik?
6. "...naratif adalah cara penyusunan elemen ruang dan masa dalam satu perhubungan sebab dan akibat, mempunyai awalan, pertengahan dan akhiran yang memberi kefahaman terhadap peristiwa yang dipersembahkan" (Edward Branigan, 1992:3). Bincangkan pernyataan ini dengan menggunakan contoh yang jelas.